



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SEBERANG PERAI FIESTA 2017

25 OGOS 2017 (JUMAAT)

8.15 MALAM

TAPAK EKSPLO SEBERANG JAYA

Disediakan oleh: Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang dan
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Majimor binti Shariff**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang
Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Hasnon
Timbalan Ketua Menteri 1**

**Yang Berhormat Prof. Dr. P Ramasamy a/l Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri II**

**Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin
Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani,
Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya**

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Majimor binti Shariff di atas kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan Dato' Seri.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan khususnya kepada YB Dr. Afif bin Bahardin kerana sudi melibatkan MPSP dalam penganjuran fiesta yang besar-besaran ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Toh Puan Dato' Seri, Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta tuan puan hadirin yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan ini merupakan tahun ke-2 gabungan 3 pesta iaitu *Agro Festival, Penang Food Mega Festival dan Festival Seni Northsantara Art Wave* diadakan dan gabungan ketiga-tiga fiesta ini dinamakan Seberang

Perai Fiesta. Oleh itu MPSP tidak terkecuali dalam menyokong fiesta ini. Sejar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Seberang Perai, fiesta ini merupakan salah satu produk pelancongan yang menarik minat ramai pelancong samada dari dalam atau luar negara.

Bagi pengemar makanan, ini merupakan peluang yang baik kerana pelbagai jenis makanan disediakan dalam program *Food Mega Festival*. Bagi *Festival Seni Northsantara Art Wave* yang diadakan selama empat (4) hari, saya difahamkan terdapat program seperti sesi bertukar pandangan dan pengalaman bersama pelukis, penulis puisi, pertandingan graffiti, pertandingan papan luncur, *busker corner* dan juga pameran lukisan.

Sedang asyik menjamu mata dan selera, jangan lupa mengenai 4R (*Rethink, Reduce, Reuse, Recycle*) kita walaupun dimana kita berada. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah dan membuangkannya ke dalam tong sampah yang dilabelkan dengan kategori “sisa boleh kitar semula” atau “sisa baki” oleh MPSP. Sekiranya, pengunjung ingin mengetahui dengan lebih lanjut cara-cara pelaksanaan pengasingan sisa di punca ini, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah melawat ke gerai MPSP di B32. Pegawai-pegawai MPSP sedia memberi penerangan.

MPSP juga telah membuat persediaan dengan menempatkan seramai 25 orang kakitangan yang melibatkan 2 shif untuk membantu dalam pembersihan kawasan pada 24 dan 25 Ogos. Selain itu, seramai 50 orang kakitangan yang melibatkan 3 shif menjalankan tugas pembersihan pada 26 dan 27 Ogos memandangkan hari tersebut adalah pada hujung minggu. Namun begitu, besar harapan saya sekiranya pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB Dr. Afif bin Bahardin kerana melibatkan MPSP dalam penganjuran Seberang Perai Fiesta 2017 dan tahniah kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.